

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarkan mulai jam 1200, Khamis, 27 Mei 2021



**KENYATAAN MEDIA
BAGI LAPORAN PERANGKAAN DEMOGRAFI MALAYSIA,
SUKU TAHUN PERTAMA 2021**

**TIADA PENINGKATAN KELAHIRAN HIDUP PADA SUKU TAHUN PERTAMA 2021,
PENDUDUK UMUR TUA (65 TAHUN DAN LEBIH) TERUS MENINGKAT**

PUTRAJAYA, 27 Mei 2021 - Jabatan Perangkaan Malaysia telah mengeluarkan laporan berkaitan Perangkaan Demografi bagi suku tahun pertama 2021. Mengulas berkaitan laporan tersebut, Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menyatakan, "Berdasarkan data pendaftaran penduduk semasa, penduduk Malaysia pada suku tahun pertama 2021 dianggarkan 32.75 juta orang, meningkat 0.4 peratus berbanding suku tahun pertama 2020 (32.62 juta). Jumlah penduduk ini merangkumi 29.91 juta orang (91.3%) Warganegara dan 2.84 juta orang (8.7%) Bukan warganegara. Penduduk berumur 65 tahun dan lebih (umur tua) meningkat daripada 2.26 juta kepada 2.37 juta bagi tempoh yang sama. Trend ini adalah selari dengan negara-negara maju yang menuju ke arah penuaan penduduk. Data penduduk ini adalah berasaskan kepada Banci Penduduk dan Perumahan 2010, pertambahan semula jadi kelahiran & kematian dan migrasi bersih. Data ini akan disemak semula setelah hasil dapatan Banci Malaysia 2020 diperolehi".

Pada suku tahun pertama 2021, penduduk lelaki (16.83 juta) melebihi penduduk perempuan (15.92 juta). Nisbah jantina penduduk keseluruhan (Warganegara dan Bukan

warganegara) adalah 106 lelaki bagi setiap 100 perempuan. Manakala nisbah jantina penduduk warganegara adalah 102 lelaki bagi setiap 100 perempuan. Tiga negeri yang mencatatkan komposisi penduduk tertinggi pada suku tahun pertama 2021 ialah Selangor (20.0%) diikuti oleh Sabah (11.9%) dan Johor (11.6%). Sebaliknya, W.P. Labuan mencatatkan komposisi penduduk terendah iaitu 0.3 peratus.

Penduduk berumur 0-14 tahun (umur muda) pada suku tahun pertama 2021 menurun daripada 7.61 juta pada suku tahun pertama 2020 kepada 7.56 juta. Manakala, penduduk berumur 15-64 tahun (umur bekerja) meningkat daripada 22.74 juta (suku tahun pertama 2020) kepada 22.82 juta pada suku tahun pertama tahun ini.


Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menambah, "Pada suku tahun pertama tahun ini, jumlah kelahiran hidup mencatatkan penurunan sebanyak 10.8 peratus (102,969 kelahiran), berbanding suku tahun pertama 2020 (115,439 kelahiran). Tiada peningkatan mendadak bagi kelahiran hidup pada suku tahun pertama 2021 seperti yang dijangkakan berlaku susulan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) disebabkan oleh pandemik COVID-19. Pada suku tahun pertama 2021, kelahiran bayi lelaki melebihi bayi perempuan iaitu 53,292 kelahiran berbanding perempuan (49,677 kelahiran). Selangor kekal mencatatkan bilangan kelahiran hidup tertinggi iaitu 19,729 kelahiran (19.1%) manakala jumlah kelahiran hidup terendah dicatatkan oleh W.P. Labuan (368 kelahiran: 0.4%)".

Jumlah kematian pada suku tahun pertama 2021 direkodkan sebanyak 43,545 kematian, meningkat sebanyak 0.7 peratus berbanding suku tahun pertama 2020 (43,226 kematian). Sejumlah 25,076 kematian adalah lelaki sementara 18,469 kematian adalah perempuan. Bagi tempoh yang sama, Selangor mencatatkan bilangan kematian tertinggi iaitu 6,909 kematian (15.2%) manakala Wilayah Persekutuan Putrajaya mencatatkan bilangan kematian terendah dengan 65 kematian (0.1%). Sebanyak 801 kematian disebabkan COVID-19 direkodkan pada suku tahun pertama 2021, meningkat 70.1 peratus berbanding 471 kematian pada tahun 2020. Selangor merekodkan bilangan kematian tertinggi akibat COVID-19 iaitu 285 kematian manakala W.P. Putrajaya merekodkan kematian terendah iaitu hanya 2 kematian dan tiada kematian direkodkan di Perlis.



Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020 (Banci Malaysia 2020) sedang dilaksanakan di seluruh negara sehingga 30 Jun 2021. Semua penduduk Malaysia diseru untuk memberikan kerjasama dalam menjayakan Banci Malaysia 2020 bagi memastikan tiada yang ketinggalan kerana data anda masa depan kita.

Data yang dikumpulkan melalui Banci Malaysia 2020 sangat berguna untuk kajian sosio demografi dan aspek-aspek lain seperti penggubalan dasar dan perancangan untuk memantau trend demografi dan program pelaksanaan, begitu juga untuk penyelidikan dan kajian ilmiah mengenai hubungan antara trend kesuburan & kematian dan pembangunan sosio ekonomi. Komitmen dan sokongan semua pihak sangat diperlukan agar Banci Malaysia 2020 dapat dilaksanakan dengan jayanya. Sila layari portal Banci Malaysia 2020 di www.mycensus.gov.my atau media sosial @MyCensus2020 untuk maklumat lanjut.

Carta 1: Kelahiran hidup dan kematian, Malaysia, 2000-2021^P



Carta 2: Penduduk mengikut kumpulan umur dan kumpulan etnik




Nota: Jumlah penduduk mengikut kumpulan 5etnik merujuk kepada Warganegara

Suku tahunan	Bilangan Penduduk (juta)		
	Jumlah	Lelaki	Perempuan
ST1 2021	32.75	16.83	15.92
ST1 2020	32.62	16.80	15.83

Suku Tahun	Warganegara Malaysia
ST1 2021	29.91
ST1 2020	29.62


Carta 3: Kelahiran hidup dan kematian mengikut kumpulan etnik




¹ Termasuk Bukan Warganegara

Suku Tahun	Kelahiran hidup			Kematian		
	Jumlah	Lelaki	Perempuan	Jumlah	Lelaki	Perempuan
ST1 2021	102,969	53,292	49,677	43,545	25,076	18,469
ST1 2020	115,439	59,675	55,764	43,226	24,659	18,567

Carta 4: Transisi Demografi Malaysia



Carta 5: Kes positif dan kematian akibat COVID-19, Malaysia, 2020-2021



Nota: Seperti pada 26 Mei 2021

Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA

JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

27 MEI 2021

Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hour, Thursday, May 27th 2021



**MEDIA STATEMENT
FOR THE REPORT OF DEMOGRAPHIC STATISTICS MALAYSIA,
FIRST QUARTER 2021**

***NO BABY BOOMERS IN THE FIRST QUARTER 2021 WHILST THE ELDERLY
POPULATION (65 YEARS AND OVER) CONTINUES TO INCREASE***

PUTRAJAYA, 27 May 2021 - Department of Statistics, Malaysia has released the report on Demographic Statistics for the first quarter 2021. Commenting on the report, Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin highlighted, "Based on the recent population registration, Malaysia's population in the first quarter 2021 was estimated at 32.75 million, increased by 0.4 per cent as compared to the first quarter 2020 (32.62 million). The total population comprised 29.91 million (91.3%) Citizens and 2.84 million (8.7%) Non-citizens. The composition of population aged 65 years and over (old-age) increased from 2.26 million to 2.37 million during the same period. This trend is in line with other developed countries that are heading towards ageing population. This population data is based on the Population and Housing Census 2010, natural increase of births & deaths and net migration. This data will be reviewed once the results of the Malaysia Census 2020 are obtained".

In the first quarter 2021, males' population (16.83 million) outnumbered females (15.92 million). The total sex ratio (Citizens and Non-citizens) was 106 males per 100 females. Meanwhile, the sex ratio for Citizens was 102 males per 100 females. Three states with the highest population composition in the first quarter 2021 are Selangor

(20.0%) followed by Sabah (11.9%) and Johor (11.6%). On the contrary, W.P. Labuan recorded the lowest population composition at 0.3 per cent.

The population aged 0-14 years old (young age) in the first quarter 2021 decreased from 7.61 million in the first quarter 2020 to 7.56 million. Meanwhile, the composition of the population aged 15-64 years old (working age) increased from 22.74 million (first quarter 2020) to 22.82 million in the same quarter this year.

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin added, "In the first quarter of this year, the number of live births recorded a decrease of 10.8 per cent (102,969 births) as compared to the first quarter of 2020 (115,439 births). There is no baby boom in the first quarter 2021 as anticipated following the Movement Control Order (MCO) due to pandemic COVID-19. In the first quarter 2021, male babies outnumbered female babies with 53,292 births as compared to females (49,677 births). Selangor recorded the highest live births with 19,729 births (19.1%) while W.P. Labuan recorded the lowest (368 births: 0.4%)".

A total of 43,545 deaths was recorded in the first quarter 2021, increase by 0.7 per cent as compared to the first quarter 2020 (43,226 deaths). The number of deaths recorded for males were 25,076 while females 18,469. During the same period, Selangor recorded the highest number of deaths with 6,909 deaths (15.2%) while W.P. Putrajaya recorded the lowest with 65 deaths (0.1%). A total of 801 deaths due to COVID-19 were recorded in the first quarter of 2021, an increase of 70.1 per cent as compared to 471 deaths in 2020. Selangor recorded the highest number of deaths due to COVID-19 with 285 deaths while W.P. Putrajaya recorded the lowest with only 2 deaths and no deaths were recorded in Perlis.

The Malaysia Population and Housing Census 2020 (Malaysia Census 2020) is being conducted nationwide until 30th June 2021. All Malaysian residents are urged to cooperate in realising the success of Malaysia Census 2020 to ensure that no one is left behind as your data is our future.

The data collected through Malaysia Census 2020 is very useful for socio demographic studies and other aspects such as for policy making and planning for monitoring of demographic trends and action programmes as well as for research and scientific study of the interrelationship between fertility & mortality trends and socio-economic development. The commitment and support of all parties are very much needed for the success of Malaysia Census 2020. Further information on Malaysia Census 2020 can be obtained through the census portal at www.mycensus.gov.my or social media @MyCensus2020.

Chart 1: Live births and deaths, Malaysia, 2018-2020^p





Chart 2: Population by age group and ethnic group (citizen)




Note: Population by ethnic group refers to Citizens

Quarter	Population (million)		
	Total	Male	Female
Q1 2021	32.75	16.83	15.92
Q1 2020	32.62	16.80	15.83

Quarter	Malaysian Citizens (million)
Q1 2021	29.91
Q1 2020	29.62

Chart 3: Live births and deaths by ethnic group



Quarter	Live births			Deaths		
	Total	Male	Female	Total	Male	Female
Q1 2021	102,969	53,292	49,677	43,545	25,076	18,469
Q1 2020	115,439	59,675	55,764	43,226	24,659	18,567

Chart 4: Malaysia Demographic Transition





Chart 5: Positive and deaths cases due to COVID-19, monthly, Malaysia, 2020-2021



Note: As at 26 May 2021

Released by:

THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA

DEPARTMENT OF STATISTICS, MALAYSIA

27th MAY 2021